

'Saya pegang ikrar tak cabar TPM baru'

UM 29 OCT 2003

KUALA LUMPUR 28 Okt. — Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini menegaskan, beliau tetap berpegang dengan ikrarnya tidak akan mencabar sesiapa sahaja yang dilantik oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalannya.

Menurutnya, semua ahli UMNO dan rakyat telah mengetahui pendiriannya mengenai perkara itu selepas beliau melafazkan ikrar pada Perhimpunan Agung UMNO Jun lepas.

"Tak perlu saya ulang perkara itu, semua orang dalam parti dan akar umbi mengetahui pendirian saya dan biar Pak Lah yang menentukan timbalannya.

"Saya sebagai ahli UMNO yang setia akan menerima dengan terbuka pilihan pucuk pimpinan dan sebagai seorang Islam saya beriman dengan Rukun Iman mengenai ketentuan Allah," katanya kepada pemberita selepas pertemu-

muan dengan persatuan perniagaan dan agensi-agensi kerajaan berkaitan harga dan bekalan mengenai persediaan menghadapi musim perayaan 2003/2004 di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai spekulasi mengenai siapa yang bakal dilantik sebagai timbalan Abdullah selepas mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada Jumaat ini.

Kelmarin, Abdullah

meminta spekulasi berkenaan harus dihentikan kerana ia hanya akan dijawab selepas beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada 31 Oktober ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, spekulasi itu tidak berasas kerana beliau tidak pernah memberi sebarang isyarat mengenai siapa bakal membantunya dalam pimpinan negara tidak lama lagi.

Mural

Abdullah kelmarin turut ditanya pemberita mengenai mural (lukisan dinding) terbaru di pintu masuk Tingkat Empat Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang memaparkan gambarnya berdua dengan Datuk Seri Najib Tun Razak dan beliau berkata, ia dilukis oleh artis tanpa mengetahui apa yang dikehendaki pada lukisan berkenaan.

Mural sepanjang kira-kira 30 meter di pintu masuk itu terdiri daripada 14 panel lukisan yang

menunjukkan peristiwa-peristiwa bersejarah yang berlaku di Malaysia sejak tahun 1940.

Bagaimanapun, Muhyiddin dan Naib Presiden UMNO lain, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib, yang turut disebut-sebut sebagai calon untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri, dilukis pada bahagian kiri gambar tersebut.

Isu pelantikan itu dianggap selesai Jun lepas setelah ketiga-tiga Naib Presiden UMNO itu menegaskan, isu itu tidak perlu dibangkitkan lagi dan mereka sepakat meminta ahli UMNO dan penyokong masing-masing tidak lagi mengapi-apikan agar mereka mencabar jawatan Timbalan Presiden UMNO yang baru kelak.

Ketiga-tiganya juga menyifatkan ikrar yang dilafazkan di hadapan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan timbalannya, Abdullah perwakilan UMNO sebagai pendirian yang sangat serius.